

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

Pendaftaran kanak-kanak bagi kemasukan Darjah Satu (P1) tahun depan bermula pada 29 Jun hingga 28 Ogos. Menurut **(1) umum** Kementerian Pendidikan (MOE) semalam, kanak-kanak yang dilahirkan antara 2 Januari 2011 dengan 1 Januari 2012, perlu mendaftar bagi Pendaftaran P1 tahun ini. Semua sekolah rendah akan dibuka bagi pendaftaran Isnin hingga Jumaat **(2) panjang** tempoh pendaftaran. Senarai sekolah rendah dan tempat kosong yang tersedia boleh **(3) dapat** di laman web Pendaftaran P1. Semasa pendaftaran, alamat yang digunakan bagi Pendaftaran P1 harus **(4) rupa** alamat rasmi ibu bapa kanak-kanak tersebut. Sebarang pendaftar yang didapati memberikan maklumat palsu semasa Pendaftaran P1 akan dirujuk kepada polis bagi **(5) siasat**. Pendaftaran P1 merangkumi tujuh fasa berbeza.

(Dipetik dan diubahsuai daripada "Pendaftaran Darjah Satu dari 29 Jun - 28 Ogos" BH, 16 Jun 2017)

Soalan A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) alah bisa tegal biasa
- (B) belayar sampai ke pulau
- (C) hilang adat tegal muafakat
- (D) jauhari juga mengenal manikam
- (E) baik membawa resmi ayam betina
- (F) pagi tidak dibuang, senja tidak dikejar
- (G) genggam bara api biar sampai jadi arang
- (H) kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit
- (I) umpama duduk seperti kucing, melompat seperti harimau
- (J) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya

Sudah 10 tahun Syarif bekerja sebagai seorang tukang masak. Menyediakan juadah yang enak dan lazat merupakan perkara yang biasa dilakukan dan tidak lagi terasa kesukarannya seperti pepatah **(6)**_____. Sifatnya yang merendah diri dalam tutur kata dan perbuatan agar tidak dibenci orang lain bak kata pepatah **(7)**_____ memang dipuji oleh majikannya. Syarif mempunyai prinsip iaitu membuat sesuatu kerja yang sukar hendaklah bersabar sehingga mencapai kejayaan kerana baginya **(8)**_____. Syarif masih ingat pesanan arwah ayahnya yang mana tidak akan tercapai cita-cita tanpa usaha yang gigih umpama pepatah **(9)**_____. Oleh itu, setiap kali diberikan tugas oleh majikannya, Syarif akan menyelesaikan pekerjaannya sehingga sempurna seperti pepatah **(10)**_____ agar dia terus disayangi majikannya. Syarif bercita-cita untuk menjadi seorang usahawan dan memiliki restorannya yang sendiri pada suatu hari nanti.

Soalan A3 (10 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

daerah	dimiliki	dijaga
lembab	mendorong	mengajak
merugikan	talian	

Perniagaan di pusat beli-belah East Village kurang rancak dua tahun selepas ia dibuka. Lokasinya di kawasan Simpang Bedok, yang terkenal di kalangan penduduk di **(11)** _____ timur, awalnya dianggap berpotensi. Ia **(12)** _____ ramai peniaga Melayu untuk mencuba peluang perniagaan di situ. Namun kini, sebahagian pemilik melaporkan perniagaan yang **(13)** _____, bahkan ada yang terpaksa gulung tikar. Sekitar 80 peratus daripada perniagaan di East Village **(14)** _____ peniaga Melayu. Salah satunya ialah Cloud 9 Studio yang bermula sebagai perniagaan dalam **(15)** _____ menjual pakaian Muslimah. Sebenarnya East Village menempatkan sekitar 100 unit komersil termasuk banyak perniagaan F&B.

(Dipetik dan diubahsuai daripada "Perniagaan di East Village kurang rancak, ada peniaga Melayu gulung tikar" daripada laman <http://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapore/perniagaan-di-east/3048670.html> 16 Ogos 2017)

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Sistem Pengangkutan Singapura

Dari segi geografinya, Singapura terletak di kawasan selatan Asia Tenggara iaitu 137 KM daripada garisan khatulistiwa. Singapura merupakan sebuah negara metropolitan yang mempunyai peranan penting dari sudut kewangan dan perdagangan antarabangsa. Perkembangan ekonomi Singapura pula berkembang dengan **pesat** dan telah diiktiraf sebagai pusat keewangan keempat di dunia. Selain itu juga, Singapura merupakan pelabuhan yang kelima tersibuk di dunia.

Dalam menghubungkan sesuatu bandar di Singapura, hanya terdapat dua jenis mod pengangkutan iaitu darat dan air sahaja. Dalam usaha memperkasakan sistem pengangkutan di Singapura, kerajaan telah mewujudkan 9 buah lebuhraya, 2 buah syarikat bus utama, sistem keretapi Mass Rapid Transit (MRT), 8 buah syarikat teksi dan sistem pengangkutan air. Sebanyak 5,308,000 perjalanan yang dibuat dalam sehari oleh sistem pengangkutan awam dan kajian mendapati hampir separuh daripada penduduk Singapura menggunakannya bagi melakukan aktiviti setiap hari.

Pengangkutan awam yang utama di Singapura adalah Bus, (MRT) dan Teksi. Perkhidmatan Bus merupakan satu-satunya pengangkutan awam yang dapat menghubungkan setiap tempat di Singapura manakala perkhidmatan MRT pula menawarkan ketepatan masa dan keselesaan kepada para pengguna. Singapura juga menawarkan sistem pengangkutan kereta sewa, motorsikal, bot tambang dan beca sebagai pilihan perkhidmatan alternatif.

Singapura merupakan sebuah bandar kepulauan yang terletak di salah satu persimpangan komersial utama di rantau Asia Tenggara. Situasi ini mewujudkan perkembangan ekonomi yang mapan dan memerlukan sistem pengangkutan yang termoden dalam usaha memberi kemudahan dan keselesaan kepada perkhidmatan. Hasilnya, Singapura mempunyai sistem jaringan jalan raya yang terkini, luas dan selesa. Pelbagai jenis lebuhraya yang diwujudkan dengan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bus dan keretapi yang berhawa dingin. Selain itu, sistem pengangkutan di Singapura juga merupakan sistem termoden dan hampir sama dengan negara-negara barat berbanding negara serantau Asia.

Untuk menghubungkan sesuatu kawasan di Singapura, sistem pengangkutan darat, keretapi dan air merupakan pilihan utama rakyat di Singapura. Konsep pengangkutan ini dipilih kerana Singapura merupakan negara yang kecil walaupun untuk menghubungkan dua buah pulau mereka yang utama. Pengangkutan air hanya digunakan untuk tujuan rekreasi dan destinasi pelancongan ke pulau-pulau yang lebih kecil.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

16 Pembangunan ekonomi Singapura dianggap _____.

- (A) berkembang dengan pesat
- (B) sebagai pusat keewangan keempat di dunia
- (C) sebagai pelabuhan yang kelima tersibuk di dunia
- (D) penting dari sudut keewangan dan perdagangan antarabangsa

17 Perkhidmatan bas Singapura mampu _____.

- (A) memberikan perkhidmatan alternatif
- (B) menghubungkan setiap tempat di Singapura
- (C) memperkasakan sistem pengangkutan di Singapura
- (D) menawarkan ketepatan masa dan keselesaan kepada para pengguna

18 Perkataan "**pesat**" dalam petikan di atas membawa maksud _____.

- (A) maju
- (B) pantas
- (C) perlahan
- (D) mengejutkan

Amalan Bersarapan

Pelbagai kajian telah membuktikan kepentingan mengambil sarapan yang kaya dengan khasiat untuk kesihatan, ini termasuk kajian klinikal dari Universiti Pennsylvania yang mendapati bahawa pengambilan sarapan dapat membantu meningkatkan prestasi pelajaran di sekolah. Kajian itu merumuskan bahawa pelajar yang makan sebelum ke sekolah adalah lebih cergas, petah bertutur dan mendapat markah yang lebih baik dalam ujian IQ. Lagipun, amalan bersarapan setiap pagi, khususnya bijirin penuh adalah langkah terbaik menggalakkan tabiat pemakanan sihat dari usia muda. Selain itu, kanak-kanak yang tidak mengambil sarapan akan gelisah kelaparan di dalam kelas dan cenderung untuk makan berlebihan pada waktu rehat di kantin sekolah.

Tabiat makan berlebihan pada waktu snek bukan satu amalan baik sebaliknya menyebabkan kegemukan. Sarapan yang baik akan juga membantu mengawal berat badan. Fakta itu telah dibuktikan oleh beberapa kajian termasuk di Greece yang mendapati kanak-kanak yang mengamalkan sarapan bijirin dengan lebih kerap mampu mengurangkan risiko kegemukan sebanyak 33 peratus. Antara kebaikan utama sarapan bijirin ialah kadar nutrisinya yang lebih padat sedangkan kandungan lemak, garam dan gulanya lebih rendah. Malah kepentingan khasiat dalam sarapan bijirin kepada kesihatan telah dibuktikan oleh belasan kajian yang diterbitkan dalam pelbagai jurnal saintifik khususnya di Eropah dan Amerika Syarikat.

Sarapan berbentuk bijirin adalah pilihan terbaik kerana ia padat dengan zat besi, vitamin khususnya pelbagai jenis vitamin B, serat, kalsium dan karbohidrat untuk tenaga. Namun kandungan lemak dan garamnya jauh lebih rendah berbanding sarapan tradisi. Amalan sarapan bijirin penuh pula menyumbang kepada kebaikan tambahan termasuk sumber serat terbaik untuk mengekalkan kesihatan usus dan sistem pencernaan. Bijirin penuh juga mengambil masa yang lebih lama untuk dihadam sekaligus menyediakan bekalan tenaga berterusan kepada kanak-kanak khususnya untuk kekal aktif.

Selain itu, sifat sarapan bijirin yang perlu dimakan bersama susu menjadikannya cara yang lebih mudah dan enak untuk mendapatkan semua khasiat susu dalam satu mangkuk. Semua produk Bijirin Sarapan Nestle akan hanya mengandungi sembilan gram atau kurang jumlah gula keseluruhan di dalam hidangan 30 gram tanpa susu.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 7, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

19 Para pengkaji mendapati sarapan amat penting bagi pelajar kerana _____.

- (A) pelajar akan gelisah kelaparan di dalam kelas
- (B) menggalakkan tabiat pemakanan sihat dari usia muda
- (C) membantu meningkatkan prestasi pelajaran di sekolah
- (D) pelajar akan cenderung untuk makan berlebihan pada waktu rehat

20 Manfaat utama sarapan bijirin merupakan_____.

- (A) membantu mengawal berat badan
- (B) mempunyai khasiat yang penting untuk kesihatan
- (C) kanak-kanak mampu mengurangkan risiko kegemukan sebanyak 33 peratus
- (D) kadar nutrisinya yang lebih padat sedangkan kandungan lemak, garam dan gulanya lebih rendah

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Hanis menghidu bau wangi pisang yang digoreng ibunya, aroma masakan itu mengapung terus dari dapur ke ruang tamu. Dia **mengusap** perut, kecur air liur terus menjilat bibir. Selera makannya menjadi-jadi pantang terbau makanan panas-panas yang bergoreng. Nafsu makan terus **bangkit**. Berat badannya naik mendadak akibat selera makannya yang meningkat itu. Bukan dia tidak cuba mengawalinya, namun selernya memang gagal dikekang. Belum sempat dipelawa, Hanis sudah **mengetis** hujung bada pisang yang masih panas di dalam pinggan. 5

“Ibu, duit.” Hanis mengerjap-ngerjap mata seakan memujuk. 10

“Duit, duit. Ke mana saja Hanis halakan duit saku Hanis?” ibunya menegur Hanis. 15

“Ibu, ni. Hanis tiap-tiap hari pergi perpustakaan dan kafe siber. Tengoklah selera makan Hanis pun bertambah. Banyak membaca, banyak hal tentang kemasukan ke universiti perlu dibaca melalui internet. Banyak guna tenaga tau, Ibu. Singgah makan, beli bahan-bahan bacaan,” Hanis beria-ia meyakinkan. 20

Wanita berwajah manis lingkungan awal 50-an dengan tahi lalat di dagu, tidak mahu berbantah-bantah lagi. Kabinet dapur dibuka, wang not 50 dolar dihulur dengan lembut. Hanis membalas dengan pelukan. Tangan kanan menyambut huluran wang, sementara tangan kiri memegang bada pisang. Mulutnya masih penuh dengan makanan, Ibu dicium di pipi dan dia berlalu pergi. 25

Kehidupan Ibu sebagai pembantu am rendah di sekolah tidak mendedahkan Ibu dengan banyak hal dunia, apa saja yang dikatakan Hanis diterima bulat-bulat atas dasar percaya dan kasih. Dunianya hanya sekolah rendah tempat dia bekerja selama 12 jam sehari dan rumah pangsa kos rendah yang didiaminya bersama satu-satunya permata hati peninggalan arwah suami. Hanis ditatang bagai minyak yang penuh dari kecil hingga kini. Dia tidak mahu Hanis memikul beban keluarga dengan keluar bekerja. Keputusan PSLE, Peringkat ‘O’ dan ‘A’ cemerlang dengan rekod 4A, 7A dan 5A. Kini Hanis di ambang menunggu keputusan untuk melanjutkan pelajaran. Ibu yakin kejayaan anaknya itu berterusan dan kemanisan akan berulang. Pengetahuan Ibu terbatas pada aktiviti kerja dan rumahnya semasa menunggu keputusan Peringkat ‘A’ Hanis. 30
35
40

Anak gadisnya itu tidak disuruh bekerja sambilan, malahan hanya bersenang-senang di perpustakaan dan kafe siber untuk menambah pengetahuan, begitulah dakwa Hanis pada Ibu. Kelmarin, ada jiran yang membabarkan hal kurang enak tentang anak gadis kesayangannya. Tidak kurang juga yang bertanya mengapa anak gadisnya itu tidak disuruh bekerja. 45

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa yang boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 21** Apakah yang menyebabkan Hanis untuk mengusap perutnya? (3 markah)
- 22** Mengapakah berat badan Hanis semakin meningkat? (3 markah)
- 23** Nyatakan sebab utama Hanis ke kafe siber. (3 markah)
- 24** Nyatakan dua perkara yang dilakukan Hanis untuk menunjukkan kasih sayangnya terhadap ibunya. (3 markah)
- 25** Pengetahuan Ibu terbatas pada aktiviti kerja dan rumahnya semasa menunggu keputusan Peringkat 'A' Hanis. Jelaskan pernyataan tersebut serta bukti-bukti. (5 markah)
- 26** Setujukah kamu bahawa ibu Hanis mengambil keputusan yang tepat untuk tidak membenarkan Hanis bekerja sambilan? Jelaskan jawapan kamu serta bukti-bukti bagi menyokong jawapan kamu. (5 markah)

Bagi **Soalan 27 hingga Soalan 30**, terangkan maksud perkataan atau frasa yang berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27** mengusap (baris 2) (2 markah)
- 28** bangkit (baris 4) (2 markah)
- 29** mengetis (baris 7) (2 markah)
- 30** halakan (baris 9) (2 markah)

Selesai